

# SUBURKAN SEMANGAT KERJASAMA

Program wujud keharmonian dan hubungan erat antara mahasiswa dengan masyarakat setempat

Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

Seramai 500 peserta terdiri daripada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), guru, pelajar dan ibu bapa Sekolah Kebangsaan (SK) Rinching Hilir memeriahkan Program Semarak Kasih Bersama Komuniti Kampung Rinching Hilir, Bangi, baru-baru ini.

Program anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM dengan kerjasama komuniti Kampung Rinching Hilir ini berlangsung di Dataran Semarak Ilmu, sekolah berkenaan.

Objektif program adalah meningkatkan semangat kerjasama antara pelajar Batik Canting (QKH 2103) Kumpulan Satu dan Dua dalam mengendalikan acara yang membabitkan komuniti.

Pada masa sama, ia juga bertujuan mewujudkan

keharmonian dan hubungan erat antara mahasiswa dengan masyarakat setempat.

Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Nur Izura Udzir berkata program ini memberi peluang kepada mahasiswa menyalurkan bakti dan lebih peka pada perkembangan isu semasa.

“Masyarakat kini melabel mahasiswa sebagai golongan ‘lesu’ kerana mereka terlalu fokus pada hal ehwal akademik dan kurang peka terhadap perkembangan isu peka.

“Program seperti ini menjadi satu motivasi dan inspirasi kepada mahasiswa untuk terus berusaha menjadi bakal graduan yang berkualiti daripada aspek penguasaan ilmu, penyampaian dan komunikasi berkesan menerusi pidato dan pengucapan umum,” katanya dalam satu kenyataan.

Menyokong inisiatif seperti ini, beliau mengharapkan mahasiswa dapat memberi maklum balas positif dalam membudayakan kehidupan sebagai pelajar yang unggul dan sensitif dengan pelbagai isu semasa.

Bagi memeriahkan program ini, aktiviti dilaksanakan secara bersiri merangkumi persediaan lukisan mural pada dinding sekolah, mencanting batik penduduk kampung, guru dan kakitangan sekolah serta membuat teknik ikat celup batik murid tahap dua.

Antara aktiviti lain termasuk, mengimarahkan kawasan sekolah, sukaneka seperti acara ‘couple stick,’ boling padang, titian ukhuwah, biskut mayat dan piramid belon serta ceramah agama.

Turut hadir, Ketua Kampung Rinching Hilir, Abd Malek Ridzwan dan Guru Besar SK Rinching Hilir, Sofiah Adnan.



MURID SK Rinching Hilir tidak melepaskan peluang menghasilkan batik.



WUJUDKAN keharmonian dengan komuniti setempat.